



FOTO

Sesi Perbincangan Bersama Pihak KEMAS, BNM, SC & Bursa Malaysia

FOTO | 01 JUN 2021



YB Tuan Mohd Shahar Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan II telah berkesempatan mempengerusikan sesi perbincangan secara maya berkenaan pendidikan dan literasi kewangan bersama pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bursa Malaysia.



Sebelum ini, silibus pendidikan asas untuk kanak-kanak di tabika, tadika dan prasekolah adalah untuk menguasai kemahiran asas 3M iaitu Membaca, Menulis dan Mengira, namun sekarang kemahiran tersebut sudah pun dikuasai oleh anak-anak sewaktu pembelajaran secara tidak langsung di rumah.

Oleh itu, KEMAS telah membangunkan Modul e-STREAM TABIKA KEMAS yang mana bidang seni dan nilai murni diintegrasikan dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik seperti TABIKA KEMAS Pintar STREAM di Chabau, Melaka yang bertemakan pendidikan “Aviation Model”.



Beliau amat kagum akan idea dan usaha yang dikemukakan oleh pihak KEMAS yang sememangnya dapat meningkatkan tahap pendidikan awal kanak-kanak ke peringkat yang lebih tinggi.

Semoga pihak KEMAS boleh mengolah satu modul Tabika yang berasaskan pendidikan kewangan bagi memastikan capaian literasi kewangan dapat diperoleh sejak usia muda.

 [Bajet 2023](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

BAJET 2023

LAKSANA REPORT

LAPORAN LAKSANA

LAPORAN KEWANGAN RAKYAT

TENGGU ZAFRUL

PEMERKASAAN PERNIAGAAN

TMK I

PRICE OF PETROLEUM

KERTAS KONSULTASI AWAM

HARGA MINYAK

TEAM MOF

Arkib Foto

[Seterusnya →](#)